


# KEMISKINAN JIWA DAN PEMBANGUNAN

# ASNAF




Penyunting

Nur Azuki Bin Yusuff  
Noor Hisham Bin Md Nawi

# KEMISKINAN JIWA DAN PEMBANGUNAN

# ASNAF



## **Hak Cipta Penerbit UMK, 2023**

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatihah Pahazri. Konsep dan Susun Atur Huruf: Siti Aishah Binti Mokhtar. Pembaca Pruf: Zaliha Noor. Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad.

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

16310 Bachok, Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

## **KANDUNGAN**

Senarai Penyumbang Bab

Pendahuluan

### **BAB 1**

#### **PEMBERIAN MAKNA “MISKIN” DAN “KAYA” JIWA BERSUMBERKAN AL-QURAN DAN SUNAH**

*Nik Yusri Musa dan Nur Azuki Yusuff*

### **BAB 2**

#### **KONSEP KEMISKINAN JIWA: SEMAKAN SEMULA DAN IMPLIKASINYA**

*Noor Hisham Md Nawi dan Nurul Iman Mohd Zain*

### **BAB 3**

#### **PENTARBIAHAN RASULULLAH SAW DALAM MENANGANI KEMISKINAN JIWA**

*Zaleha Embong dan Maizatul Mazwa Mazlan*

### **BAB 4**

#### **KEMISKINAN JIWA ADALAH SUATU “PENYAKIT BERJANGKIT” DALAM KOMUNITI**

*Yohan Kurniawan*

### **BAB 5**

#### **PENGHAYATAN ETIKA KEAGAMAAN PRASYARAT KEKAYAAN JIWA**

*Nur Azuki Yusuff dan Muhammad Hafizuddin Huji*

## **BAB 6**

### **PEMBANGUNAN ASNAF BERDASARKAN MODEL TADBIR URUS INSTITUSI ISLAM**

*Nur Azuki Yusuff dan Shukeri Mohamad*

## **BAB 7**

### **THE CONCEPT OF TURNING OVER MODEL ON THE CONTRIBUTION OF ASNAF ENTREPRENEURS TOWARDS ZAKAT ON BUSINESS**

*Noormariana Mohd Din, Mohammad Ismail, Azwan Abdullah,  
Mohd Zulkifli Muhammad, Siti Nurzahira Che Tahrim and  
Azizah Musa*

## **BAB 8**

### **ASNAF'S CONTRIBUTION THROUGH ASNAF ENTREPRENEURSHIP PROGRAMME: TURNING OVER MODEL ISSUES**

*Noormariana Mohd Din, Mohammad Ismail, Mohd Zulkifli  
Muhammad and Tengku Mohd Azizudin Tuan Mahmood*

## **BAB 9**

### **PENERAPAN KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS: IMPLEMENTASI AGIHAN KEPADA ASNAF SEBAGAI WASILAH DALAM MEMBENTUK MUKMIN SEJATI**

*Zanirah Mustafa@Busu, Noor Saliza Zainal , Nor Asmira  
Mat Jusoh, Nik Muniyati Nik Din , Intan Nurul Ain dan Mohd  
Firdaus Kozako*

## **BAB 10**

# **ANALISIS DEMOGRAFI PENERIMA ZAKAT DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

*Zuraina Ali*

**Kesimpulan**

**Bibliografi**

**Indeks**

**Biodata Penyunting**

## **SENARAI PENYUMBANG BAB**

### **Noor Hisham Md Nawi**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Nurul Iman Mohd Zain**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Yohan Kurniawan**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

### **Zanirah Mustafa@Busu**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

### **Noor Saliza Zainal**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

**Nor Asmira Mat Jusoh**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

**Nik Muniyati Nik Din**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

**Intan Nurul ‘Ain Mohd**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

**Firdaus Kozako**

Pensyarah

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Universiti Teknologi Mara,

Cawangan Kelantan

**Nik Yusri Musa**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan



**Muhammad Hafizuddin Huji**

Pelajar Siswazah,

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

**Noormariana Mohd Din**

Pensyarah Kanan

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Mohammad Ismail**

Timbalan Naib Canselor

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Azwan Abdullah**

Profesor Madya

Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Mohd Zulkifli Muhammad**

Pensyarah Kanan

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Siti Nurzahira Che Tahirim**

Pensyarah,

Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Azizah Musa**

Pensyarah

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Nur Azuki Yusuff**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

**Shukeri Mohamad**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya

**Zuraina Ali**

Pensyarah

Pusat Bahasa Moden

Universiti Malaysia Pahang

**Tengku Mohd Azizudin Tuan Mahmood**

Pelajar

Fakulti Keusahawanan dan Peniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

**Zaleha Embong**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Kelantan

## **SENARAI RAJAH, JADUAL DAN MODEL**

Figure 7.1      Turning Over Model

Figure 8.1      Turning Over Model

Jadual 2.1      Profil kemiskinan berdasarkan tiga temabesar iaitu kemiskinan luaran-dalam, meminta-menahan diri dan memudarat-tidak memudaratkan

Model 6. 1      Model Tindakan Pembudayaan Masyarakat

Rajah 4.1      Konsep wujudnya kemiskinan jiwa dalam masyarakat

Rajah 5.1      Hubungan antara Realiti Sosial menghadapi pandemik dengan kemenangan menghadapinya secara beretika dan harmoni

Rajah 5.2      Model tingkah laku Etika Keagamaan dalam menghadapi pandemik

Rajah 10.1      Golongan penerima zakat

Rajah 10.2      Jantina penerima zakat

Rajah 10.3      Negeri penerima zakat

Rajah 10.4      Pendapatan seisi keluarga penerima zakat

## **SINGKATAN KATA**

- dll : dan lain-lain
- IPT : Institusi Pengajian Tinggi
- Hlm : halaman
- M : Masihi
- YDPA : Yang di-Pertuan Agong
- a.s : Alaihis Salam
- ASWJ : Ahli Sunnah wa al-Jamaah
- dsb : dan sebagainya
- Dr. : Doktor
- FBI : Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
- H : Hijrah
- hb. : haribulan
- MKN : Majlis Keselamatan Negara
- Ph.D : Doctor of Philosophy
- r.a. : radhiaLlahu ‘anhu
- RM : Ringgit Malaysia
- RMIC : Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- SAW : SollaLlahu ‘alaihi Wasallam
- SWT : Subhanahu Wa Ta’ala
- UMK : Universiti Malaysia Kelantan
- % : Peratus
- & : dan
- @ : atau (at sign)

## **PRAKATA**

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia Muhammad SAW, salam kepada semua penerima Petunjuk.

Buku ini adalah usaha rintis menggabungkan kepakaran dan pengalaman para pensyarah Universiti Malaysia Kelantan dan pengkaji yang terdiri daripada rakan seperjuangan daripada universiti lain sebagai usaha berganda bagi menyediakan teks ilmiah yang lengkap, padat dan mudah dikuasai bagi keperluan disiplin ilmu kemiskinan jiwa dan pembelajaran sepanjang hayat.

Buku ini adalah usaha terkini Pusat Pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan (PEMIKIR), Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK yang mengkhusus kepada dua tema besar; kemiskinan jiwa dan pendekatan pembangunan asnaf. Kami amat terhutang budi kepada semua pihak yang menyumbang bahan penyelidikan terutama sekali penulis dan pembaca yang menjadikan buku ini sebagai penanda aras kecintaannya kepada ilmu-ilmu Islam yang bersifat universal.

Penghargaan juga kepada ahli PEMIKIR FBI, semua rakan strategi fakulti, kerajaan Malaysia dan pemain industri di semua peringkat serta pembaca yang budiman. Harapan semoga usaha ini memantapkan lagi capaian Gagasan Pemikiran Islam khususnya dalam usaha membina generasi muda yang berkompetensi tinggi dan berwawasan.

**Nur Azuki Yusuff**

**Noorhisham Md. Nawi**

## PENDAHULUAN

Segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, buku ini dapat disajikan kepada para pembaca. Buku yang terdiri dari 10 bab ini merupakan himpunan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam satu wacana yang dianjurkan oleh Jabatan Sains Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan. Ia diadakan secara khusus untuk memahami fenomena kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat Melayu dalam aspek kemiskinan jiwa dan kaedah pembangunan golongan asnaf. Penulisan ini dibahagikan kepada dua tema besar iaitu kemiskinan jiwa (Bab 1 hingga Bab 5) dan isu miskin harta dan pembangunan asnaf (Bab 6 hingga Bab 10).

Tema besar pertama adalah kemiskinan jiwa yang melanda rakyat Malaysia yang dampaknya lebih parah berbanding dengan kemiskinan fizikal atau material. Bab 1 membincangkan tentang konsep kemiskinan dan kekayaan jiwa berdasarkan al-Quran dan sunah. Islam tidak menolak definisi kemiskinan atau kekayaan berteraskan pemilikan harta benda. Bagaimanapun kemiskinan atau kekayaan sejati adalah bergantung kepada hati manusia itu sendiri. Rumusan daripada pengajaran kisah-kisah watak manusia dalam al-Quran menjelaskan bahawa kemiskinan jiwa bukan sahaja berlaku dalam kalangan individu miskin harta malahan turut meliputi golongan kaya raya. Strategi pembangunan akhlak dalam Islam berusaha untuk melahirkan golongan miskin bermaruah (tidak meminta-minta) dan juga golongan kaya budiman (yang suka membantu). Justeru, Islam membina dan mendidik jiwa manusia agar menerima ketentuan dan ketetapan Allah SWT dan pada masa yang sama berusaha gigih dan

berikhtiar mencari rezeki dari Tuhan mengikut kaedah dan peraturan syariat-Nya. Kemiskinan jiwa adalah merujuk kepada situasi seseorang yang tandus akhlak, rendah pekerti, cetek pemikiran dan lemah peribadi yang boleh berlaku kepada seseorang yang miskin dan juga individu yang berharta.

Bab 2 menghuraikan makna kemiskinan secara umum dan kemiskinan jiwa secara khusus menurut perspektif al-Quran dan sunah. Seiring dengan fitrah kejadian manusia yang bersifat *dual-nature*, kemiskinan juga perlu dilihat dari dua aspek iaitu kemiskinan kebendaan dan kemiskinan kejiwaan (kerohanian). Miskin bukan sahaja diukur pada ketidakmampuan seseorang memiliki keperluan material, malahan turut diukur pada ketidakmampuannya memiliki jiwa dan hati yang kaya. Jiwa yang miskin adalah jiwa yang bergantung harap kepada manusia atau pihak lain untuk membolehkannya terus hidup. Kebergantungan ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti ketidakcukupan material (sumber fizikal yang terbatas), pemikiran yang negatif, tertutup, tidak kreatif, malas atau ketidakmampuan berfikir, perasaan yang terjajah, terikat, suka bergantung dan memohon belas ihsan orang lain serta lemah keyakinan diri terhadap Tuhan dan ketentuan-Nya. Ini bermakna mereka yang miskin jiwanya sentiasa bergantung kepada pihak luar dan rela meminta-minta. Manakala orang yang kaya jiwa adalah mereka yang merdeka kehidupannya, berusaha gigih dalam kehidupan dan bergantung sepenuhnya kepada Tuhan. Apa yang menarik dalam bab ini ialah kefahaman tentang makna kemiskinan itu dikaitkan dengan impaknya kepada pendekatan dan kaedah pemberian bantuan kepada golongan sasaran. Kefahaman tersebut melahirkan kepelbagaiannya kategori miskin berdasarkan tema tertentu iaitu kemiskinan luaran dan dalaman, meminta dan tidak meminta serta memberi mudarat dan tidak memberi mudarat. Ketiga-tiga tema ini boleh digabung untuk membentuk profil kemiskinan yang tersendiri. Ini bermakna, pendekatan dan bentuk pemberian bantuan mestilah selaras dengan kategori dan keperluan golongan sasaran dengan mengambil kira bentuk dan dimensi kemiskinan yang dialami.

Bab 3 membincangkan kepentingan pentarbiahan untuk mengatasi masalah kemiskinan jiwa. Tarbiah Rasulullah SAW boleh dibahagikan kepada empat iaitu tauhid, akhlak, akliah dan ilmiah, serta jasmani. Penekanan terhadap elemen-elemen ini telah bermula pada peringkat awal penyebaran Islam. Penekanan kepada semua elemen ini meliputi aspek roh, akal dan jasmani telah melahirkan generasi sahabat yang berakhlak mulia serta memiliki sifat-sifat yang unggul dan seimbang. Keempat-empat aspek tarbiah ini dianggap sebagai solusi dalam menangani masalah kemiskinan jiwa. Walau bagaimanapun, penulis menggunakan istilah tarbiah secara umum dengan memasukkan segala yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW sebagai tarbiah tanpa membuat batasan dalam konteks waktu (era sebelum atau selepas hijrah) atau bidang kehidupan (sosioekonomi-sosiopolitik).

Dalam Bab 4, kemiskinan jiwa dikaitkan sebagai satu fenomena yang boleh berjangkit menerusi lensa psikologi. Kemiskinan jiwa menyumbang kepada terjadinya permasalahan ekonomi, sosial, budaya, etika dan moral. Dalam bab ini, kemiskinan fizikal atau kemiskinan ekonomi lebih diberi tumpuan berbanding kemiskinan jiwa. Menurut penulis, kemiskinan jiwa mempengaruhi pola fikir seseorang yang akan mempengaruhi perilaku dan cara kehidupannya. Baginya, kemiskinan jiwa dapat disamakan dengan “penyakit” yang boleh berjangkit kepada orang lain melalui proses peniruan. Kemiskinan jiwa menurutnya boleh diatasi melalui bacaan al-Quran dan solat kerana kedua-duanya mempunyai tenaga positif yang mampu membuka dan memperkaya minda dan tahap kesedaran jiwa terhadap diri, persekitaran dan masa hadapannya. Kemiskinan jiwa yang berlaku lebih berbahaya berbanding dengan kemiskinan ekonomi kerana ia boleh menyebabkan pelbagai permasalahan lain. Oleh kerana kesannya yang sangat negatif dan boleh berjangkit kepada pihak lain, ia perlu dirawat hingga ke akar umbinya.

Bab 5 pula melihat jiwa dari sisi kekayaannya. Perbincangan difokuskan kepada penghayatan etika keagamaan sebagai prasyarat

kekayaan jiwa. Bab ini mengetengahkan bahawa etika keagamaan yang dipatuhi semua masyarakat secara takrifan autoriti mahupun takrifan harian dan berpandukan keluhuran Perlembagaan mampu menjadi formula ampuh dalam menangani isu kemiskinan. Namun dalam bab ini, isu pandemik COVID-19 di Malaysia dijadikan sebagai contoh semasa kerana kesannya adalah menyeluruh.

Bab 6 mula memfokuskan kepada aspek miskin harta golongan asnaf dan usaha membantu mereka. Islam mengklasifikasikan individu yang perlu diberi bantuan kepada lapan kelompok asnaf. Kewujudan kelompok ini mempunyai hikmat tertentu yang perlu diberi perhatian dan diambil peduli sebaiknya. Syiar Islam terbina bukan dalam bentuk angka bilangan asnaf yang berjaya dikurangkan, tetapi dalam bentuk usaha yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab atau komuniti untuk membawa mereka keluar daripada lingkaran kemiskinan dan tuntutan *dhoruriyat* semasa mereka. Pelbagai bentuk bantuan dan pengisian diperuntukkan. Penulisan ini melihat beberapa sudut yang boleh membantu pihak berkepentingan dan individu tertentu bagi memulihkan kumpulan asnaf. Antara usahanya ialah melalui pengupayaan fungsi institusi Islam sebagai nadi peradaban Islam dan ummah. Institusi yang berorientasikan Islam amat membantu rakyat khususnya golongan asnaf dalam mengadakan program bantuan dan khidmat masyarakat.

Bab 7 dan Bab 8 mengutarakan beberapa institusi yang relevan untuk membantu golongan asnaf tersebut. Institusi Islam yang diketengahkan ialah institusi zakat. Institusi zakat perniagaan contohnya boleh dilihat secara terperinci dalam pemberian sumbangan kepada golongan asnaf berdasarkan konsep model baharu. Selain mengenal pasti lapan kumpulan (asnaf) yang diagihkan zakat, terdapat juga beberapa pemikiran berkenaan dengan definisi asnaf dan tafsiran mereka untuk penerapannya dalam situasi kini. Namun, masalah keberkesanannya dalam pengedaran yang bertujuan untuk golongan miskin selalu menjadi perhatian khususnya kesan dalam bidang ekonomi. Institusi zakat berusaha

untuk menghasilkan cara yang berkesan bagi golongan miskin untuk menjadi usahawan dan meningkatkan kehidupan sosial dan ekonomi mereka di bawah Program Usahawan Asnaf (AEP). Kumpulan asnaf akan diberi pertolongan dan perhatian oleh pihak tertentu bagi tujuan tersebut. Institusi Zakat bekerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dalam memantau pengetahuan dan kemahiran usahawan asnaf. Program yang dirancang telah disokong sepenuhnya dari sudut memberi pendedahan, pendidikan, pelaksanaan, pemasaran, pemantauan, pengetahuan, perancangan berorientasikan keagamaan dan perundingan. Berdasarkan unsur-unsur yang terdapat dalam model tersebut, diharapkan dapat mencapai matlamat pertumbuhan nasional. Proses yang diterapkan ini turut berkaitan dengan perkhidmatan sokongan oleh pemerintah dan organisasi bukan kerajaan. Usahawan mikro/pengusaha asnaf ini mendapat sokongan kewangan dari pelbagai organisasi. Institusi zakat memberikan bantuan modal dalam meningkatkan keyakinan diri dan produktiviti perniagaan. Bantuan modal ini tidak hanya terhad untuk mengembangkan usahawan asnaf tetapi juga memberi nilai untuk kualiti sosial dan moral. Selain daripada sumbangan positif dalam ekonomi dan sosial, sokongan daripada kerajaan dan bukan kerajaan terhadap usahawan asnaf adalah penting. Ia mendorong peningkatan positif kutipan zakat melalui pengusaha asnaf berdasarkan Model Pergantian ini.

Bab 9 membincangkan pembangunan asnaf dari aspek penerapan konsep *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa) bagi membina mereka sebagai mukmin sejati. Penyucian jiwa adalah salah satu perkara terpenting dalam agama Islam. Islam menekankan kepentingan *tazkiyah al-nafs* sehingga ia menjadi salah satu tujuan perutusan Nabi Muhammad SAW. *Tazkiyah al-Nafs* ialah suatu proses pendidikan jiwa seseorang manusia yang berbentuk penyucian dalaman dan luaran supaya dapat mengekang kemahuan dan sifat buruk yang memberi kesan negatif kepada kesihatan mental dan kecelaruan tingkah laku. Sebagaimana pentingnya penekanan

terhadap aspek kesihatan fizikal, aspek kesihatan spiritual juga perlu diberi penekanan kerana jiwa yang kotor akan membuat manusia terhijab daripada pertolongan Allah SWT.

Manakala Bab 10 memberi tumpuan kepada aspek analisis demografi penerima zakat dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi. Zakat adalah bantuan untuk golongan asnaf yang tidak dapat menampung keperluan hidup. Zakat diberikan kepada mereka dalam bentuk wang ringgit atau keperluan harian. Secara amnya, penerima zakat di IPT terdiri dari lapan golongan asnaf sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya. Pemberian zakat dalam kalangan pelajar asnaf di Institut Pengajian Tinggi pada kebiasaannya di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Bantuan zakat pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup pelajar dari keluarga asnaf fakir dan miskin. Hasil kajian keberkesanan pengagihan zakat kepada golongan *fi sabilillah* mendapati bahawa pelajar berpuas hati dengan proses yang dilaksanakan. Kesan dari penerimaan zakat tersebut, responden berpendapat ia telah mengurangkan bebanan pengajian mereka di IPT.

# **BAB 1**

## **PEMBERIAN MAKNA “MISKIN” DAN “KAYA” JIWA BERSUMBERKAN AL-QURAN DAN SUNAH**

*Nik Yusri Musa dan Nur Azuki Yusuff*

### **PENDAHULUAN**

Keperibadian, gelagat dan karenah manusia terpapar dari setiap tingkah laku dan perbuatan mereka. Manusia dinilai berdasarkan tingkah laku, akal, hati dan sanubari. Daripada sumber-sumber itulah terbitnya akhlak sebagai jelmaan kepada penilaian kemuliaan atau kehinaan seorang insan. Manusia menurut paparan wahyu yang akan dijelaskan nanti terbahagi kepada dua, iaitu miskin jiwa dan kaya jiwa. Kaya jiwa dinilai berdasarkan keperibadian mulia yang menepati kehendak syarak. Miskin jiwa dihubungkan dengan penampilan yang meruntuhkan maruah. Menangani isu kemiskinan jiwa memerlukan penelitian yang mendalam terhadap ajaran para rasul kerana antara matlamat mereka diutuskan adalah untuk membentuk akhlak dan keperibadian manusia. Penulisan ini mengetengahkan sumber asas yang menjadi nilai utama kepada penentuan konsep miskin dan kaya jiwa, iaitu wahyu Allah SWT melalui al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW.

### **MAKNA JIWA BERSUMBERKAN AL-QURAN DAN SUNAH**

Sebelum melihat makna miskin jiwa, ada baiknya dimulakan dengan melihat makna jiwa terlebih dahulu. Maksud jiwa (*al-nafs*) ialah *al-qalb* iaitu hati sanubari. Menurut al-Razi (t.t), tempat akal adalah pada *qalb* manusia. Sehubungan itu, Allah SWT menegaskan dalam al-Quran ayat-ayat berkaitan *al-qalb* dan menghubungkaitkannya dengan *al-‘aql*, antaranya al-‘Araf, 7:179.